



PERANTI APPLE iPAD

Pengenalan

Ketika mendengar produk Apple dipromosikan, anda langsung terus terfikir akan iPhone, kerana iPhone sudah menjadi pilihan ramai pengguna saat ini. Apa itu iPad? iPad adalah komputer tablet paparan multisentuh yang direka dan dibangunkan oleh syarikat Apple Inc. Ia menggunakan sistem pengendalian IOS dan prototaipnya dibangunkan pada tahun 2002. Senang cerita iPad ini seperti iPhone dengan paparan layar yang besar dan pemprosesan seperti komputer, bahkan mudah dibawa kemana-mana dan cepat untuk akses kerja yang diinginkan.

iPad pertama dikeluarkan pada 3 April 2010 serta berjaya dijual sebanyak 300,000 unit sehingga mencecah 3 juta unit pada pertengahan tahun itu. iPad mula memasuki pasaran Malaysia pada 30 November 2010 dan negara-negara lain. Ia juga adalah pelengkap kepada iPhone dan komputer riba.

Pada tahun 2011 Apple mengumumkan iPad 2 yang lebih pantas, nipis dengan harga yang sama. Pada Mac 2012 pula iPad generasi ketiga diumumkan, unit ini dilengkapi dengan skrin paparan retina yang selesa untuk mata pengguna. Manakala pada bulan Oktober, Apple sekali lagi mengeluarkan iPad generasi keempat dan iPad Mini yang mana saiz paparan multisentuh lebih kecil daripada iPad.

Penerimaan dan Kesan

Kemunculan iPad disambut dengan baik walaupun penganalisis dan media ragu dengan keupayaan iPad kerana ia dianggap sebagai iPhone yang diperbesarkan dan harga juga dianggap tinggi.

Kesan sejak kemunculannya, arena pengkomputeran dan gaya hidup banyak berubah. Pelbagai laman sesawang mula dibangunkan seperti perisian media sosial, fotografi dan videografi, perisian pembelajaran, e-dagang dan sebagainya. Namun begitu, ramai pengguna beralih ke iPad daripada menggunakan komputer riba, dan bagi syarikat komersial ia dianggap sebagai satu penyelesaian murah dalam bidang aplikasi elektronik.

Kelebihan iPad untuk Pengguna

Jika anda seorang pelajar atau penuntut universiti iPad sangat membantu anda dalam melaksana tugas, membaca fail format PDF dan mencari bahan rujukan kajian di laman sesawang dengan mudah. Malah anda boleh mencatat atau menyalin nota dengan senang.

Ia juga amat sesuai kepada *content creator* untuk menghasilkan pelbagai kerja seperti sunting gambar dan video, melukis di atas paparan digital, menghasilkan poster, *banner* dan

sebagainya. Syarikat Apple juga menawarkan lima jenis variasi iaitu iPad, iPad Mini, iPad Air, iPad Pro 11.0 dan iPad Pro 12.9.

Penutup

Sabtu tahun Apple Inc. menambah baik dan membuat pembaharuan ke atas peranti gajet yang lebih canggih serta mengikuti kehendak semasa pengguna dengan teknologi yang kian maju dan tidak terbatas jaringan. Kita sebagai pengguna mesti membuat pilihan yang bijak mengikut kemampuan diri bukan mengikut kemahuan tanpa tujuan. Sekian.

Rujukan: Wikipedia iPad

Muhaimin bin Mohd Asri,
Kuliah Syariah Islamiah,
Universiti al-Azhar.